

**NO. SOALAN: 328**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**

**RUJUKAN : 8740**

**SOALAN:**

Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bahawa sudahkah pihak polis memohon bantuan daripada Interpol untuk membantu Polis DiRaja Malaysia menangkap suspek Emily Kueh yang terlibat dalam kes penipuan insurans di Sibu. Bilakah Emily Kueh akan dibawa balik Malaysia supaya didakwa.

**JAWAPAN:**

**Pihak polis telah menjalankan siasatan terhadap 107 laporan polis yang telah diterima berkaitan kes ini di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan di atas kes penipuan insuran. Saspek bernama Voon Chin Heong (710818-13-5873) dan juga Kueh Koh Ing (750822-13-5100) adalah merupakan pasangan suami isteri didakwa melakukan penipuan insuran terhadap mangsa yang melibatkan kerugian dianggarkan sebanyak RM 6,292,285.82.**

**Penama Kueh Koh Ing dan Voon Chin Heong telahpun ditangkap dan dituduh di Mahkamah. Walau bagaimanapun penama Kueh Koh Ing telah gagal hadir semasa perbicaraan dan didapati telah meninggalkan negara. Permohonan telah dibuat kepada pihak INTERPOL untuk mengesan dan menangkap penama Kueh Koh Ing untuk menghadapi perbicaraan di Mahkamah. Setakat ini, penama masih belum dapat dikesan dan ditangkap.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA]**

**SOALAN : 329**

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah kamera di bawah sistem penguatkuasaan (AES) yang telah dipasang diseluruh Malaysia sehingga hari ini dan pihak manakah yang menentukan lokasi pemasangan kamera AES serta di manakah lokasi lokasi tersebut; dan
- (b) berapakah jumlah saman AES yang telah dikeluarkan sejak 23 Sept 2012 hingga Jun 2013 serta pecahan saman melibatkan pelanggaran had laju dan pelanggaran lampu isyarat.

**JAWAPAN:**

**Pihak polis telah menjalankan siasatan terhadap 107 laporan polis yang telah diterima berkaitan kes ini di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan di atas kes penipuan insuran. Saspek bernama Voon Chin Heong (710818-13-5873) dan juga Kueh Koh Ing (750822-13-5100) adalah merupakan pasangan suami isteri didakwa melakukan penipuan insuran terhadap mangsa yang melibatkan kerugian dianggarkan sebanyak RM 6,292,285.82.**

**Penama Kueh Koh Ing dan Voon Chin Heong telahpun ditangkap dan dituduh di Mahkamah. Walau bagaimanapun penama Kueh Koh Ing telah gagal hadir semasa perbicaraan dan didapati telah meninggalkan negara. Permohonan telah dibuat kepada pihak INTERPOL untuk mengesan dan menangkap penama Kueh Koh Ing untuk menghadapi perbicaraan di Mahkamah. Setakat ini, penama masih belum dapat dikesan dan ditangkap.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA]**

**SOALAN : 329**

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah kamera di bawah sistem penguatkuasaan (AES) yang telah dipasang diseluruh Malaysia sehingga hari ini dan pihak manakah yang menentukan lokasi pemasangan kamera AES serta di manakah lokasi lokasi tersebut; dan
  
- (b) berapakah jumlah saman AES yang telah dikeluarkan sejak 23 Sept 2012 hingga Jun 2013 serta pecahan saman melibatkan pelanggaran had laju dan pelanggaran lampu isyarat.

## **JAWAPAN**

Ahli Yang Berhormat,

- a) Setakat ini, sebanyak 14 kamera *Automated Enforcement System* (AES) telah beroperasi iaitu 7 lokasi di negeri Perak, 2 lokasi di negeri Selangor, 3 lokasi di Kuala Lumpur dan 2 lokasi di Putrajaya. Pemilihan lokasi bagi pemasangan kamera telah dilakukan oleh satu jawatankuasa yang dianggotai oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalanraya Malaysia (MIROS), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan pihak berkuasa tempatan berkaitan. Kriteria pemilihan lokasi adalah kawasan kerap berlaku kemalangan berdasarkan analisis yang dijalankan terhadap perangkaan kemalangan jalan raya yang diperolehi daripada PDRM.
  
- b) Sehingga 30 Jun 2013, sebanyak 691,336 saman telah dikeluarkan yang melibatkan 643,329 bagi kesalahan memandu melebihi had laju dan 48,007 bagi kesalahan tidak mematuhi lampu isyarat merah.